

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2016 / 2017  
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>								
1	Kerja-Kerja Pengumpulan Data Hartanah (property Inventory Databas e - PID) dalam Kawasan Lembaga-Lembaga Bandaran		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapatkan maklumat data sekunder (secondary data) yang terdapat di Jabatan-Jabatan Bandaran</li> <li>Pengumpulan data primer (primary data) kepada pemilik hartanah melalui lawat periksa</li> <li>Mengemaskinikan dan meneliti maklumat hartanah dalam kawasan Lembaga-Lembaga Bandaran</li> </ul>	Salah satu usaha berterusan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama Jabatan-Jabatan Bandaran bagi mengemaskinikan maklumat data hartanah ke arah penyediaan pangkalan data hartanah.	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumat daripada pemilik hartanah dan berkaitan dengan hartanah kurang lengkap</li> <li>Penyimpanan maklumat (data storage) dari lawat periksa</li> <li>Bayaran gaji bagi site staff (iaitu pekerja Projek PID) yang lambat diterima.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan -Jabatan Bandaran telah diarahkan oleh KHEDN untuk mendapatkan maklumat daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Tanah, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, ABCI, Kementerian Kesihatan (BRUHims), Jabatan Pengangkutan Darat (SPD), Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Perkhidmatan Pos</li> <li>Kerja-kerja pengimbasan (scanning) akan diteruskan oleh pihak Jabatan-Jabatan Bandaran</li> <li>Gaji bagi semua site staff sudah dibayar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lawat periksa (site inspection) selesai dilaksanakan</li> <li>Analisa terhadap maklumat hartanah telah selesai dilaksanakan</li> <li>Perangkaan mengikut kategori hartanah telah diperolehi</li> </ul>
2	Penstrukturan Semula Organisasi di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri		✓		Objektif penstrukturan semula organisasi di Kementerian ini adalah bagi memastikan setiap Bahagian menjalankan tugas mereka dengan fokus dan teratur. Seperti contoh, Bahagian Pengurusan dan Penyelarasan Acara ditubuhkan bagi memastikan acara-acara hari Keputeraan, acara-acara besar yang memerlukan penyertaan Kementerian akan diselaraskan oleh pegawai-pegawai dalam bahagian ini.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penstrukturan semula organisasi di Kementerian hal Ehwal Dalam Negeri telah dibuat pada bulan November 2016. Terdapat 2 Bahagian baharu telah ditambah di dalam organisasi baru dikementerian ini, iaitu Pejabat Pengurusan Strategik di bawah Pejabat Setiausaha Tetap dan Bahagian Pengurusan dan Penyelarasan Acara.</li> <li>Manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah dipecahkan kepada 2 unit yang berasingan iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan. Manakala Unit Pengurusan Estet, Unit Sumber Manusia, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Perhubungan Korporat telah diserapkan dibawah Bahagian Perkhidmatan Korporat.</li> </ul>		
<b>JABATAN DAERAH TEMBURONG</b>								
3	Penelitian dan Draf Surat Perjanjian dan Jabatan		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka dan menyediakan satu Surat Perjanjian yang lebih komprehensif dan kemaskini dengan bantuan Pejabat Peguam Negara</li> <li>Mengurangkan atau mengelakkan tunggakan hasil kerajaan</li> </ul>	<p>Surat Perjanjian pada masa sekarang tidak dikemaskini lebih 10 tahun dahulu dan tidak pernah diteliti dan dikomen keberkesannya oleh Jabatan Peguam Negara</p> <p>Peniaga didapati mengambil sambil lewa akan peraturan-peraturan yang dinyatakan didalam Surat Perjanjian seperti melengah-lengahkan pembayaran sewa atau tidak membayar langsung</p> <p>Beberapa clause dicadangkan untuk ditambah untuk memastikan penyewa akur dalam mematuhi peraturan yang lebih dipersetujui dan untuk membolehkan Kerajaan membuat tindakan undang-undang</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <p>Masih menunggu ketetapan daripada Pejabat Peguam Negara</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persuratan dan perjumpaan diantara Jabatan Daerah Temburong dan Pejabat Peguam Negara telah diadakan</li> <li>Salinan Surat Perjanjian sekarang melalui proses penelitian sebelum draf terakhir dihadapkan ke Peguam Negara</li> </ul>

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN</b>								
4	Perkhidmatan Tempahan Awal		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada keperluan untuk beratur awal bagi mendapatkan nombor giliran</li> <li>• Meningkatkan efisiensi dan produktiviti dengan mengurangkan masa menunggu</li> <li>• Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan</li> </ul>	<p>Perkhidmatan Tempahan Awal adalah projek rintis bagi permohonan baru dan membaharui passport atau dokumen perjalanan Negara Brunei Darussalam. Melalui perkhidmatan ini, orang ramai hanya perlu menghubungi Bahagian Dokumen Perjalanan melalui talian telefon dan seterusnya membuat tempahan (booking) slot masa pada tarikh yang bersesuaian. Panggilan bagi tempahan awal boleh dibuat sekurang-kurangnya sehari sebelum cadangan tarikh dibuat. Manakala waktu bagi menerima panggilan tempahan adalah dari jam 8 hingga 11.30 pagi. Perkhidmatan tersebut hanya akan dilaksanakan di Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran kebangsaan.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuota / slot masa dan tarikh adalah terhad dan sentiasa penuh</li> <li>• Perkhidmatan tempahan adalah terhad mengikut jadual yang telah diaturkan dan ianya kurang bersesuaian bagi pelanggan yang mempunyai ahli keluarga yang ramai untuk membuat slot masa mengikut waktu yang dijadualkan.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Walaupun slot bagi perkhidmatan tempahan telah penuh akan tetapi permohonan passport secara walk in masih juga dijalankan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan masa menunggu bagi pelanggan</li> </ul>
5	Brunei Malaysia Frequent Travellers Programme (BMFTP)		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mengurangkan cap Imigresen dan penggunaan mukasurat di dalam paspot kepada warganegara yang kerap melakukan perjalanan di antara pos-pos kawalan kedua buah negara.</li> <li>• Memberikan kemudahan yang efisien kepada orang ramai.</li> </ul>	<p>BMFTP adalah usaha-usaha Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Brunei dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam mengurangkan cap Imigresen dan penggunaan mukasurat didalam paspot kepada warganegara yang kerap melakukan perjalanan diantara pos-pos kawalan kedua buah Negara.</p> <p><b>FASA PERTAMA (2012)</b></p> <p>a) Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujong Jalan, Temburong dengan Pos Kawalan Pandaruan, Limbang Sarawak Malaysia.</p> <p>b) Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Kuala Belait dengan Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh, Miri Sarawak, Malaysia</p> <p>c) Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah, Brunei dengan Pos Kawalan Tedungan, Limbang, Sarawak, Malaysia</p> <p><b>FASA KEDUA (2016)</b></p> <p>a) Pos Kawalan Imigresen Labu (Temburong) / Pos Kawalan Imigresen Mengkalap (lawas)</p> <p>b) Pos Kawalan Imigresen Feri Terminal Serasa / Labuan</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara-perkara yang melibatkan teknikal</li> <li>• Tatacara pengendalian SOP dilaksanakan di pos-pos kawalan kedua buah negara</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentuk dan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu-isu teknikal</li> <li>• Memberigakan maklumat mengenai tatacara SOP bersama pegawai-pegawai pos kawalan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurangkan cap imigresen</li> <li>• Jumlah pemegang BMFTP semakin meningkat setiap tahun.</li> </ul>
<b>JABATAN BURUH</b>								
6	Lesen Pekerja Asing (LPA)		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>• EFISIEN: Mempertingkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai dan mendokong hasrat Negara ke arah persekitaran yang <i>pro business</i></li> <li>• PENGAWALAN: Memastikan pengambilan dan penggunaan pekerja adalah teratur dan selaras dengan kehendak Undang-undang Negara dan Perburuhan</li> <li>• PEGUTAMAAN ANAK TEMPATAN: Ke arah dasar 'pembruneian' iaitu pengambilalihan jawatan-jawatan didalam sektor industri yang dipegang oleh pekerja asing untuk diisikan oleh pekerja tempatan secara berperingkat</li> <li>• SEIMBANG: 'To strike a right balance' diantara keperluan mendokong persekitaran <i>pro business</i> dan juga keperluan menjaga keselamatan serta kepentingan Negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggabungkan Lesen Pengambilan Pekerja Asing dibawah Bab 112 Perintah Pekerjaan 2009 dan Sokongan Pas Kerja (BUR500/555) menjadi satu proses sahaja iaitu yang dinamakan Lesen Pekerja Asing (LPA) atau Foreign Worker License (FWL)</li> <li>• Salah satu inisiatif dan perancangan yang terkandung didalam Pelan Strategik Jabatan Buruh</li> </ul>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan logistik dari segi penyimpanan fail</li> <li>• Database tidak centralized</li> <li>• Pelaksanaan nisbah tenaga asing</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlaksanaan secara sistem online</li> <li>• Nisbah Tenaga Asing akan dilaksanakan bermula awal Tahun 2017</li> </ul>	

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
7	Jaminan Insurans Takaful Pekerja Asing (JITPA)	✓			<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk mengurangkan bebanan kos kepada majikan dalam membayar wang taruhan pekerja asing dan juga mendokong dasar Kerajaan untuk mewujudkan suasana 'pro business'</li> </ul>	Satu kaedah pembayaran wang taruhan yang baru selain daripada pembayaran secara tunai dan menggunakan jaminan bank yang sedia ada. Pembayaran menggunakan Jaminan Insurans Takaful Pekerja Asing (JITPA) adalah pembayaran wang taruhan pekerja asing untuk syarikat sahaja.	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hanya satu Takaful Operator yang sanggup menjalankan / menggunakan kaedah ini</li> <li>Pemberiaan melalui jerayawara belum dapat mencapai sasaran penggunaan 100%</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Promosi dan engagement Insuran/Takaful operator supaya menyediakan perkhidmatan ini</li> <li>Menambah kekerapan Jerayawara di setiap Daerah</li> </ul>	Pengurangan kos recruitment pekerja asing dari segi security deposit
<b>JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA</b>								
8	Operasi Bersepadu Bersama Agensi-Agensi Kerajaan		✓		Untuk memantapkan lagi operasi bersepadu dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan peraturan-peraturan dan Akta Bandaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi diadakan melalui aduan orang awam</li> <li>Operasi yang dibuat oleh agensi-agensi yang lain dan berkaitan dengan kesalahan Akta dibawah Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria</li> </ul>		
9	Memberikan Kesedaran Kepada Peniaga dan Orang Ramai Mengenai dengan Kesalahan Pembuangan Sampah di Tempat Awam di Bawah Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi memastikan tiada pembuangan sampah di merata tempat di kawasan kawalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria</li> <li>Memastikan keadaan Bandar Kuala Belait sentiasa bersih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberikan taklimat kepada peniaga-peniaga</li> <li>Mengedarkan risalah dan tatacara bagi rujukan</li> <li>Pemasangan papan tanda</li> <li>Menjalankan denda kompaun</li> </ul>		
10	Kenderaan Terbiar (Abandoned Vehicles)	✓			Untuk memastikan tiada kenderaan terbiar di tempat awam didalam kawasan kawalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	<ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi bersepadu 02/2017 ke atas kenderaan terbiar (abandoned vehicles) bersama Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Daerah Belait, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi</li> <li>Melaksanakan kerja-kerja pengalihan kenderaan terbiar dibawah seksyen 84 akta lalu lintas penggal 68 iaitu kuasa memindahkan kenderaan terbiar yang sudah lama ditinggalkan di kawasan awam ke penaruhan sementara</li> </ul>		
11	Menkomersialkan Bangunan Kerajaan dibawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria melalui penglibatan Public Private Partnership (PPP)		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dari segi pemeliharaan</li> <li>Menggalakkan pertumbuhan ekonomi</li> <li>Memberi ruang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan syarikat bumiputera</li> </ul>	Design, Build and Maintain Pasameka Seria		
12	Mengkomersialkan Kawasan Letak Kereta terbuka (on street car park) dibawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dari segi pengurusan</li> <li>Menggalakkan pertumbuhan ekonomi</li> <li>Memberi ruang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan syarikat syarikat bumiputera</li> </ul>	Pengurusan dan pengendalian kawasan letak kereta terbuka yang terdapat di Pekan Kuala Belait dan Seria		
13	Mengadakan Petak / Ruang bagi Aktiviti Menyalai di Gerai Bunga Rambai Kuala Belait		✓		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan pertumbuhan ekonomi</li> <li>Memberi peluang perniagaan kepada anak-anak tempatan dan syarikat-syarikat bumiputera</li> </ul>	Menyediakan ruang khas untuk mengendalikan jualan berbentuk salaian dan panggang		
14	Menyediakan Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Aras Bawah Bangunan Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria		✓		Untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai yang berurusan dengan Bahagian-Bahagian yang berkenaan	Jabatan telah menyediakan kaunter perkhidmatan pelanggan bagi perkhidmatan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>Permohonan bagi penggunaan dan penyewaan ruang-ruang komersial dibawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria</li> <li>Permohonan bagi penggunaan dewan-dewan, padang-padang dan taman-taman dibawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria</li> </ul>		
<b>JABATAN BANDARAN DAERAH TUTONG</b>								
15	Meningkatkan Kualiti Taman-Taman dan Tempat-Tempat Riadah di Pekan Tutong		✓			Menaiktaraf Taman Permainan dan Riadah Bandaran Tutong	<b>CABARAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan yang tidak mencukupi</li> </ul> <b>TINDAKAN SUSULAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui mesyuarat Lembaga Bandaran</li> </ul>	

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas	Cabaran & Tindakan Susulan	Pencapaian
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi				
<b>JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT</b>								
16	Fire Safety Order 2016	✓			<p>Bagi mengenal pasti perlindungan pencegahan kebakaran dipatuhi.</p> <p>Perintah ini telah diwartakan pada 21 Mac 2016 dan telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan memberi kuasa kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memasuki semua premis bagi menjalankan pengawalan keselamatan kebakaran sama ada bagi tujuan pencegahan ataupun bagi menyasat punca kebakaran jika berlaku insiden tersebut.</p>	<p><b>CABARAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Para pemilik premis/peniaga tidak berminat untuk menghadiri pemberigaan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.</li> <li>Para peniaga tidak mengambil berat atas amaran-amaran pelaksanaan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 yang dikeluarkan.</li> <li>Kekurangan pengetahuan dalam pelaksanaan penguatkuasaan FSO 2016 disebabkan tidak pernah menghadiri sebarang kursus penguatkuasaan.</li> <li>Tidak ada Pegawai Perundangan ditempatkan di Jabatan ini bagi kemudahan untuk merujuk.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN SUSULAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Telahpun membuat cadangan/perbincangan bagi memperkenalkan RI (Register Inspectors).</li> <li>Dalam proses untuk mengadakan Code of Practice</li> </ul>		